



Cawangan Pulau Pinang  
Kampus Permatang Pauh  
Kampus Bertam

ANDA DIJEMPUT

## Majlis Kemuncak Bulan Inovasi & Kualiti UiTM CPP 2022

Rabu, 14 Dis 2022 | 08:30 Pagi

Dewan Besar

Tema : Klasik Tradisional

Anjuran bersama:

::Polis Bantuan::PTAR::Pej. Bendahari::BPF::  
::Infostruktur::

Dengan bertemakan 'Klasik Tradisional', Majlis Kemuncak Bulan Inovasi & Kualiti UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTMCPP) 2022 telah diadakan pada 14 Disember 2022 bertempat di Dewan Besar UiTMCPP, Permatang Pauh. Pada tahun ini sebanyak lima pasukan terdiri daripada Perpustakaan Tun Abdul Razak, Pejabat Bendahari, Bahagian Pengurusan Fasiliti, Bahagian Infostruktur dan Pejabat Polis Bantuan telah bergabung tenaga untuk menganjurkan majlis yang gilang gemilang ini. Majlis turut diserikan dengan kehadiran Prof. Dr. Azizah Abdullah, Penolong Naib Canselor Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) sebagai tetamu kehormat. Majlis dimulakan dengan bacaan doa dan ucapan alu-aluan oleh Rektor UiTMCPP, Prof. Madya Ir. Dr. Haji Ahmad Rashidy Razali dan seterusnya dirasmikan oleh Yang Berbahagia Prof. Dr. Azizah Abdullah. Bersempena dengan majlis ini, pihak Akademi Pengajian Bahasa (APB) telah meraih tempat ke 4 bagi Anugerah Pencapaian Strategik 2021 Kategori Jabatan. Di samping itu, dua pensyarah dari APB iaitu Puan Maizatul Akmal Ahmad Mokhzan dan Puan Melati Desa telah mendapat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Segmen Majlis Jasamu Dikenang turut diadakan bagi menghargai sumbangan pensyarah yang telah bersara pada tahun 2021 dan 2022 dan penerima dari APB ialah Encik Liaw Shun Chone, Encik Lim Soo Giap, dan juga Prof. Madya Dr. Rushita Ismail.

# Laporan Majlis Kemuncak Bulan Inovasi & Kualiti UiTM Cawangan Pulau Pinang 2022

Oleh Muriatul Khusmaw Musa  
& Dr. Isma Noornisa Ismail



Pemenang Anugerah Khidmat Cemerlang 2022 dari APB  
Puan Maizatul & Pn Melati



Antara staf APB yang hadir ke majlis

Suasana bertambah rancak apabila beberapa persembahan seperti silat, nyanyian dan tarian lagu klasik Melayu turut diselitkan ketika majlis berlangsung. Namun, yang paling menarik perhatian ialah apabila Timbalan Rektor PJIM & A, Prof. Madya Ts. Dr. Kay Dora Abd Ghani telah menceriakan majlis dengan mendendangkan sebuah lagu bertajuk 'Bintang di Langit' nyanyian asal oleh Yuna. Majlis diakhiri dengan bacaan Ikrar Kualiti dan juga pengumuman penganjuran Majlis Kemuncak Bulan Inovasi dan Kualiti 2023 yang akan dianjurkan oleh pengurusan Kampus Bertam UiTMCPP. Diucapkan selamat maju jaya kepada penganjur seterusnya dan beribu tahiah kepada pemenang tahun ini!

*Petang hari pergi ke kolah,  
Sepatu disimpan di tepi ragi.  
Tahun depan insya-Allah  
Dapat kita berjumpa lagi*